

# Punca banjir perlu kajian terperinci

BH 20/1

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu satu kajian terperinci dijalankan bagi mengesan punca kejadian banjir yang teruk melanda Johor, sejak Disember tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, Jawatankuasa Bencana Alam Negara yang dipengerusikan Datuk Seri Najib Razak akan bertanggungjawab memilih pihak yang layak menjalankan kajian serta memaklumkan hasilnya kepada Kabinet.

"Perlu diteliti jika ada kekurangan dalam infrastruktur dan sistem perparitan. Kenapa air naik cepat tetapi surut lambat," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, kajian itu diharap dapat membantu proses pemulihan kawasan yang terdabit dengan banjir.

Mengenai bantuan kepada mangsa banjir, Perdana Menteri berkata, selain sumbangan kewangan, makanan dan barang keperluan, rakyat termiskin juga akan disediakan rumah menerusi Program Perumahan Rakyat (PPR) secara percuma.

"Jawatankuasa banjir peringkat daerah dan negeri yang dipimpin pegawai daerah dan menteri besar pula akan membantu proses penempatan sementara semua mangsa banjir terdabit," katanya.

Abdullah berkata, dalam mesyuarat semalam, MT menyatakan rasa puas hati dengan perkembangan se-

masa bantuan kepada mangsa banjir kerana semua ahli dan kepimpinan pada pelbagai peringkat parti tampil menghulurkan bantuan.

"Tajaan diperlukan untuk pulihkan kawasan banjir yang terjejas teruk. Infrastruktur, ekonomi bandar tertentu rosak dan bukan mudah untuk kedai dibuka dan beroperasi seperti dulu," katanya.

Sehubungan itu katanya, agensi kerajaan yang berkaitan akan memaklumkan status sebenar kerosakan yang dialami sebelum merangka tindakan susulan bagi membantu memulihkan kawasan terdabit.

Abdullah juga mahu usaha untuk meringankan beban mangsa banjir diteruskan dengan menyampaikan

bantuan makanan apabila mereka pula ke rumah masing-masing.

"Apabila mereka pulang, tentu tiada tempat untuk membeli makanan kerana kedai tidak dibuka. Oleh itu bekalan perlu disalurkan berterusan sehingga keadaan pulih.

"Wang RM500 yang akan disumbangkan kepada mangsa banjir juga akan diserahkan apabila mereka pulang ke rumah kerana tidak sesuai ia diberikan di pusat pemindahan," katanya.

Perdana Menteri mengumumkan Indonesia turut menghantar barang untuk meringankan beban mangsa banjir di Johor manakala beberapa negara Asean lain juga ada menyatakan hasrat untuk berbuat yang sama.